

06 APR 1999

CIO-PERANAN

CIO PATUT AMBIL PEMIKIRAN BARU DALAM TAFSIR PERANAN MASA DEPAN

KUALA LUMPUR, 6 April (Bernama) -- Ketua pegawai penerangan korporat (CIO) dari perbadanan besar digesa mengambil pemikiran baru mengenai peranan masa depan mereka di dalam perbadanan-perbadanan besar kerana pengurusan maklumat sedang menarik perhatian.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Leo Moggie berkata CIO patut mengambil tanggungjawab baru yang melepasi peranan perkhidmatan teknikal yang pernah mentafsirkan kedudukan mereka.

"CIO masa depan terpaksa memupuk perhubungan baru dengan pembuat-pembuat keputusan korporat penting kerana mereka (CIO) memasuki golongan perancang korporat di peringkat paling tinggi," kata Moggie.

Ini adalah kerana peranan CIO "generasi akan datang" juga membabitkan peranan korporat dan membuat keputusan, tambah beliau.

Ucapan beliau disampaikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha kementerian Dr Abdul Halim Shafie pada perasmian persidangan tahunan CIO pertama yang dianjurkan oleh Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI).

Turut hadir ialah presiden ASLI Mirzan Mahathir.

"Mestilah ada perubahan pemikiran dalam cara CIO menghargai peranan mereka di dalam syarikat dan pengaruh lebih luas yang mereka gunakan pada masa depan," kata Moggie.

Beliau menambah kata perubahan-perubahan (peranan CIO) kini mulai dirasakan di dalam perbadanan-perbadanan utama dunia, sungguhpun terdapat banyak perbezaan negara yang ketara tentang bagaimana peranan CIO wujud, di tengah-tengah globalisasi ekonomi dunia dan penyatuan pesat ekonomi-ekonomi Eropah.

Katanya kematangan teknologi maklumat korporat akan bermakna bahawa CIO mesti memikir semula dengan radikal pekerjaan mereka, mencakupi kemahiran-kemahiran perniagaan baru, memulakan perhubungan baru dengan kepimpinan korporat dan mengambil tanggung jawab baru bagi pemikiran strategik.

"Banyak undang-undang sedia ada yang diguna pakai di dalam ekonomi hari ini tidak boleh diguna pakai lagi di dalam ekonomi digital, dan ini bermakna bahawa CIO mesti menyesuaikan diri dengan perubahan masa," katanya.

-- BERNAMA

WNZ LPS OS